



AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Accountant General's Department Malaysia  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No.1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62594 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1002  
Faks : 603-8889 5821  
Laman Web : [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)  
E-mel : [akauntan.negara@anm.gov.my](mailto:akauntan.negara@anm.gov.my)

Ruj. Kami: JANM/BPTM.600-12/1777 (2)

Tarikh: 13 November 2019

Ketua Pengarah,  
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU),  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 3, Blok B2, Kompleks B,  
Kompleks Jabatan Perdana Menteri,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62502 PUTRAJAYA.

YBhg. Dato' Dr.,

**PERMOHONAN KHIDMAT PERUNDINGAN BAGI STRESS TEST SISTEM eGUMIS JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato' Dr., pihak JANM telah siap membangunkan *Electronic Government Unclaimed Moneys Integrated System (eGUMIS)* dan dijangka akan *go-live* pada awal tahun hadapan. Sistem dijangka bakal diakses oleh 20 juta penduduk Malaysia dalam dan luar negara sewaktu ia dilancarkan. Justeru itu pihak JANM amat mengambil berat tentang keupayaan sistem apabila ia dibuka kepada orang ramai kelak.
3. Perbincangan awal telah diadakan bersama Pasukan Perunding ICT MAMPU pada 1 Ogos 2019 dan 11 November 2019 bagi mendapatkan khidmat nasihat serta pandangan/ulasan mengenai *Stress Test* yang telah dijalankan oleh pihak JANM. Namun disebabkan terdapat keperluan untuk pihak JANM melakukan ujian tersebut sekali lagi, kami disarankan untuk mendapatkan perkhidmatan tersebut daripada pihak MAMPU.
4. Sehubungan itu, pihak JANM ingin memohon jasa baik YBhg. Dato' Dr. bagi memberi kebenaran Pasukan Perunding ICT MAMPU melaksanakan *stress test* sistem eGUMIS sebelum ia dibuka kepada orang ramai. Mohon kerjasama pihak MAMPU jua untuk memaklumkan kami sekiranya terdapat prosedur yang perlu kami patuhi berhubung permohonan ini. Sekiranya pihak YBhg. Dato' Dr. memerlukan penjelasan lanjut boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

- i) Encik Abdul Latif bin Ahmad  
Telefon : 03-8882 1220  
Emel : [alba@anm.gov.my](mailto:alba@anm.gov.my)

- ii) Puan Siti Russiah binti Mamat  
Telefon : 03-8882 1404  
Emel : [russiah@anm.gov.my](mailto:russiah@anm.gov.my)

5. JANM amat berbesar hati sekiranya YBhg. Dato' Dr. dapat mempertimbangkan permohonan ini. Aktiviti *stress test* ini adalah sebagai usaha Jabatan untuk menyediakan sistem yang mantap sekaligus membantu meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat.

6. Segala perhatian dan pertimbangan daripada pihak YBhg. Dato' Dr. amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

*"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"*

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M))  
Akauntan Negara Malaysia

s.k  
iA consulting  
(untuk perhatian : En. Wan Arif bin Wan Muhamad)